

# **Pelaksanaan Pendekatan Dakwah Guru Pembimbing Kelas Fardu Ain Muallaf (KFAM) Di Selangor**

Raba'ahadawiah Ahmad@Yunus<sup>1\*</sup>, Ezani bin Yaacob<sup>1</sup>, Amiratul Munirah Yahaya<sup>1</sup>

<sup>1</sup>Academy of Contemporary Islamic Studies, Universiti Teknologi MARA,  
40450 Shah Alam, Selangor, Malaysia

2017353139@student.uitm.edu.my, ezani907@uitm.edu.my, amiratul@uitm.edu.my

\* Corresponding Author

Received: 24 March 2022

Accepted: 11 May 2022

Online First: 27 May 2022

**Abstrak:** Guru Pembimbing Kelas Fardu Ain Muallaf (KFAM) berperanan penting mendidik golongan Muallaf agar menjadi seorang mukallaf yang taat, teguh keimanannya dan bermanfaat kepada ummah. Justeru, kaedah dakwah yang digunakan oleh guru pembimbing KFAM sewajarnya berpandukan dari pendekatan-pendekatan dakwah yang diamalkan oleh Rasulullah SAW sebagai qudwah terbaik. Tambahan pula, kini negeri Selangor mencatatkan jumlah pendaftaran Muallaf yang tertinggi di Malaysia. Artikel ini mengkaji pendekatan dakwah guru pembimbing KFAM di Selangor dan menganalisis pelaksanaan pendekatan dakwah guru pembimbing KFAM tersebut di 4 buah kawasan di negeri Selangor seperti Petaling, Gombak, Kuala Selangor dan Klang. Reka bentuk kajian ini berbentuk kualitatif. Metod pengumpulan data dilakukan melalui kajian kepustakaan yang merujuk sumber primer dan sumber sekunder terdiri dari jurnal akademik, buku penyelidikan, kertas kerja yang khusus membincangkan mengenai pendidikan Muallaf. Temubual semi struktur juga dijalankan terhadap guru-guru pembimbing KFAM. Manakala kaedah analisis data pula menggunakan analisis dokumen berdasarkan data dalam KFAM di kawasan tersebut. Hasil kajian ini mendapat bahawa pelaksanaan pendekatan dakwah yang digunakan oleh guru-guru pembimbing KFAM adalah menepati unsur dakwah Rasulullah SAW dan bersesuaian dengan situasi semasa COVID-19. Sebahagian guru juga mengaplikasikan teknik-teknik yang kreatif dan berkesan bagi melatih Muallaf menjadi mukallaf yang berjaya. Selain itu, kajian ini menjadi rujukan terhadap institusi Lembaga Zakat Selangor sebagai garis panduan terhadap guru-guru pembimbing asnaf Muallaf (GPAM) di Selangor.

**Kata kunci:** Pendekatan Dakwah, Guru Pembimbing, Muallaf, Selangor.

## **Implementation of da'wah by teachers teaching basic Islamic knowledge to converts (KFAM) in Selangor**

**Abstract:** Teachers teaching Islamic basic education for new Muslim converts (KFAM) have important role to educate them to be pious servants of Allah, strong believers who are beneficial to the ummah. Thus, the da'wah method used by these KFAM teachers should be guided by the exemplary da'wah approaches of Rasulullah (peace be upon him). Nowadays, the state of Selangor has the highest registered number of new Muslim converts in Malaysia. This article discusses the approaches of KFAM practised by these teachers in Selangor. It also analyses the implementation of the FKAM da'wah approaches used in four districts of Selangor, namely Petaling, Gombak, Kuala Selangor and Klang. The study applied qualitative framework and the data collection method used is library research from primary and secondary sources from academic journal articles, books, working papers books which are relevant to the research's focus. Semi-structured interviews with KFAM teachers for new Muslim converts are used, while documentary analysis is applied in the study's data analysis method. The findings of the study indicate that the implementation of the da'wah approaches by the KFAM teachers for new Muslim converts are in accordance with the da'wah of Rasulullah (peace be upon him) which is suitable with the COVID-19 era. Some of these teachers applied creative and effective techniques to train new Muslim converts to be successful Muslims. In fact, this study becomes significant reference to Selangor Zakat Institution as guidance for the teachers for asnaf (zakat beneficiaries) of new Muslim converts in Selangor.

**Keyword:** approach of da'wah, new Muslim converts, teacher, Selangor

## 1. Pengenalan

Guru pembimbing asnaf berperanan penting mendidik golongan Muallaf dalam Kelas Fardu Ain Muallaf (KFAM) khususnya di Selangor. Para pendakwah dan pembimbing sewajarnya menggunakan pendekatan dakwah yang bersesuaian dengan keadaan Muallaf, memiliki kemahiran dan kepakaran tertentu ketika menyampaikan penjelasan tentang Islam termasuk konsep dan prinsip dakwah Islam. Menguasai ilmu pengetahuan agama dan bijaksana dalam menyampaikan adalah antara faktor penting kerana dakwah Islam terhadap Muallaf memerlukan penjelasan yang benar dan tepat agar setiap persoalan atau keraguan dapat dirungkaikan agar menemui kebenaran, di samping dapat melihat tasawwur Islam dengan kaca mata yang sebenar. Justeru, ia merupakan satu seni yang perlu digilap dan ditambah baik oleh para pembimbing asnaf Muallaf dengan menggunakan pelbagai kaedah agar penyampaian dakwah lebih berkesan terhadap Muallaf (Nor Azizah Mustapha, 2019).

KFAM kendalian Lembaga Zakat Selangor mempunyai misi, visi dan objektif yang jelas matlamatnya. Misi pendidikan Islam Muallaf Selangor ialah membangunkan ummah menuju keredhaan Allah. Manakala visi yang ingin dicapai adalah membangunkan golongan Muallaf melalui sistem pendidikan yang inovatif, interaktif, infomatik, dan bersepadan dengan penambahbaikan berterusan serta memastikan sistem sokongan Muallaf ditadbir urus dengan efisyen dalam tempoh lima 5 tahun. Terdapat lima objektif pendidikan Islam Muallaf Selangor iaitu berpegang teguh dengan akidah Islam, melaksanakan ibadah fardu yang disyaratkan dengan sempurna, memiliki akhlak mulia berteraskan al-Quran dan al-Sunnah, menguasai dan memahami al-Quran dan al-Sunnah serta mampu menjadi teladan yang baik kepada masyarakat. Sewajarnya konsep pendekatan yang dibawa oleh guru pembimbing asnaf Muallaf haruslah selari dengan saranan al-Quran dan hadis Nabi SAW (MAIS, 2013). Sebagaimana Firman Allah SWT dalam Surah Al-Nahl ayat 125 menyatakan bahawa :

أَدْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحِكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ وَجِلْهُمْ بِإِنْتِي هِيَ أَحْسَنُ إِنْ رَبَّكَ هُوَ أَعْلَمُ بِمَنْ ضَلَّ عَنْ سَبِيلِهِ وَهُوَ أَعْلَمُ بِالْمُهْتَدِينَ.

Maksudnya: Serulah (manusia) kepada jalan Tuhan-mu dengan hikmah dan pelajaran yang baik dan bantahlah mereka dengan cara yang baik. Sesungguhnya Tuhanmu Dialah yang lebih mengetahui tentang siapa yang tersesat dari jalan-Nya dan Dialah yang lebih mengetahui orang-orang yang mendapat petunjuk.

(Al-Nahl: 125)

Berdasarkan intipati dan petunjuk ayat tersebut menunjukkan perkara asas dalam pendekatan dakwah yang perlu diberi perhatian oleh guru pembimbing asnaf iaitu seruan dakwah yang dilakukan mestilah menggunakan cara berhikmah, nasihat yang baik serta lunak, berdebat dan berbincang dengan cara yang paling baik. Ketiga-tiga asas ini sewajarnya perlu diaplikasikan oleh semua guru pembimbing asnaf Muallaf KFAM di Selangor bagi merealisasikan dakwah yang berkesan terhadap Muallaf agar menjadi daie dan mukallaf yang berjaya (Noraini Mohamad, 2017).

Antara kelemahan dan kekurangan yang berlaku dalam kalangan para pembimbing asnaf Muallaf adalah guru-guru sekadar menyampaikan ilmu Islam tanpa membuat penilaian terhadap pendekatan yang digunakan menyebabkan output pengajaran yang disampaikan kurang mencapai matlamat dan sasaran. Justeru, guru pembimbing asnaf Muallaf sewajarnya mempertingkatkan kemahiran komunikasi dan transformasi kepimpinan dalam mengendalikan KFAM dan menekankan aspek peranan dakwah dalam membimbang asnaf Muallaf agar tercapai matlamat dari Muallaf kepada mukallaf yang bermanfaat untuk ummah (Burhanuddin Jalal, 2018). Aspek penyampaian ilmu serta pendekatan semasa perlu diperkemaskan bersesuaian dengan peredaran zaman yang semakin canggih dan mencabar agar matlamat pendekatan dakwah melalui KFAM dapat direalisasikan dengan sebaik-baiknya (Yasmoon Mohamed, Razaleigh Muhamat @ Kawangit, 2019). Justeru, kajian ini bertujuan melihat pelaksanaan pendekatan dakwah guru pembimbing terhadap Muallaf khususnya di Selangor yang melibatkan 4 kawasan iaitu Petaling, Gombak, Klang dan Kuala Selangor. Pendekatan dakwah

yang berkesan mampu melahirkan Muallaf yang berpotensi menjadi da'ie agar memberi manfaat kepada keluarga terdekat dan masyarakat sekeliling dalam misi menyampaikan dakwah Islam agar suatu hari kelak mereka juga menerima Islam sebagai agama anutan dan pegangan dalam hidup.

## 2. Metodologi Kajian

Reka bentuk kajian ini berbentuk kualitatif. Metod pengumpulan data yang digunakan adalah melalui kajian kepustakaan yang merujuk sumber primer dan sumber sekunder antaranya dari buku teks Muallaf, artikel-artikel jurnal, buku, prosiding kertas kerja seminar serta penyelidikan disertasi dan tesis. Temubual semi struktur dilakukan terhadap guru-guru pembimbing asnaf Muallaf KFAM kendalian Lembaga Zakat Selangor seramai 7 responden yang melibatkan 4 kawasan di negeri Selangor iaitu Petaling, Gombak, Klang dan Kuala Selangor dalam tempoh KFAM sesi 2019-2022. Pengkaji juga mendapatkan data dari pegawai bertugas di Lembaga Zakat Selangor melalui email. Metod analisis data pula menggunakan kaedah analisis dokumen yang diolah hanya menggunakan metod deduktif dan induktif.

## 3. Kajian Literatur

Saudara baru dalam Islam atau dikenali sebagai Muallaf adalah golongan yang perlu diberi perhatian kerana memerlukan bimbingan dalam memahami ajaran Islam (Asmawati Binti Suhid, 2021). Muallaf merupakan individu yang dijinakkan hati untuk menerima Islam dan telah melafazkan kalimah syahadah. Menurut Fatwa Negeri Selangor bertarikh 25 Oktober 2007, gelaran Muallaf diguna pakai selama lima tahun bermula tarikh daftar pengislamannya di Majlis Agama Islam Selangor (Amiratul Munirah Yahaya, 2021).

### 3.1 Konsep Dakwah Terhadap Muallaf

Kajian bertajuk *Metodologi Pengajaran Muallaf di Institut Dakwah Islamiyah PERKIM (IDIP)* telah mengemukakan enam pendekatan dakwah yang berasaskan metode dakwah Rasulullah s.a.w yang sesuai dilaksanakan kepada golongan Muallaf iaitu pendekatan melalui *qudwah hasanah*, pendekatan nasihat, pendekatan kisah dan *ibrah*, pendekatan nasihat, pendekatan dialog dan pendekatan beransur-ansur dan pengulangan (Noraini Mohammad, Mariam Abd Majid, 2017). Sebahagian guru pembimbing asnaf KFAM kendalian Lembaga Zakat Selangor menyatakan pendekatan tersebut saling berhubung kait dan telah diaplikasikan dalam kelas dan berjaya menarik minat pelajar Muallaf (Raba'ahadawiyah Ahmad@Yunus, Ezani Yaacob, 2021). Keberkesanannya dakwah yang efektif dapat dinilai melalui pemahaman kandungan yang disampaikan, berjaya mewujudkan situasi yang selesa dalam pembelajaran, membina pengaruh dengan menzahirkan kesan positif hasil dari teladan yang ditunjukkan oleh guru yang mengajar dan mengeratkan jalinan silaturahim yang baik sehingga mampu menerima teguran dengan hati yang lapang serta mengubah tabiat kepada yang lebih baik berdasarkan bimbingan guru yang berterusan (Supriyanto, 2018).

Kajian bertajuk *Pengajaran Akidah dalam Kalangan Mualaf di Institut Dakwah Islamiyah PERKIM* melihat signifikan penguasaan teknik pengajaran yang baik dalam kalangan para pembimbing dengan mengambil kira tahap pengetahuan dan kefahaman Muallaf. Ini kerana keberkesanannya proses pembelajaran ditentukan oleh teknik dan pendekatan tenaga pengajar atau pendakwah untuk memindahkan idea, pengetahuan, kemahiran dan pengalaman kepada golongan Muallaf. Kegagalan para pendakwah dalam memilih kesesuaian pendekatan akan menjelaskan minat, motivasi, kefahaman, pencapaian dan penghayatan beragama di kalangan Muallaf (Ahmad Yunus Kasim, 2017). Justeru peranan dan pendekatan guru pembimbing asnaf Muallaf amat penting dalam menarik minat mereka agar konsisten mempelajari ajaran Islam dan menghayatinya dengan baik untuk meneroka keindahan Islam yang sempurna (Abdul Hamid Ali, Wan Anuar Yaacob, 2021).

### **3.2 Aplikasi Pendekatan Dakwah Terhadap Muallaf Fasa COVID-19**

Kajian bertajuk *Prestasi Kelas Pembelajaran Muallaf dalam Talian: Pengaruh Efikasi Diri dan Norma Subjektif* membincangkan cabaran pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang dihadapi oleh para guru dan pelajar fasa COVID-19 termasuklah persediaan guru dan pelajar dalam menguasai kemahiran teknologi, keterbatasan capaian internet dan kekurangan instrumen peralatan ketika sesi PdP berlaku. Seterusnya mengkaji tahap keberkesanan PdP golongan Muallaf secara atas talian. Kajian menunjukkan kebanyakan kelas menggunakan aplikasi googlemeet sebagai medium kelas dan guru mengambil tambahan masa untuk menyediakan bahan pengajaran. Alternatif yang digunakan adalah suatu keperluan dalam berhadapan wabak COVID-19 dalam masa yang sama nak memastikan proses pembelajaran yang konsisten berlaku (Mohd Afandi Mat Rani, 2022). Selain itu, kajian bertajuk *Pemerkasaan Modul Pendidikan Muallaf: Aspirasi Kecemerlangan Pembangunan Ilmu di Negeri Selangor* menghuraikan kaedah pemerkasaan Muallaf secara komprehensif khususnya di institusi Baitus salam. Bagi memenuhi kriteria pembangunan kurikulum Muallaf, guru-guru disarankan menekankan elemen jasmani, emosi, rohani dan intelek dalam PdP disamping menumpukan pemantapan akidah, menguasai ilmu fardu ain dan mengaplikasi dalam kehidupan serta penerapan akhlak dan nilai murni. Peranan zakat juga diserlahkan sebagai sokongan sosio ekonomi (Siti Afifah Mat Rani, Mohd Izzat Amsyar Mohd Arif, 2022).

## **4. Dapatan Kajian dan Analisis Perbincangan**

Berdasarkan laporan data terkini tahun 2022 menunjukkan KFAM di Selangor yang bernaung di bawah Lembaga Zakat Selangor mempunyai 239 buah kelas dan terdiri dari Muallaf yang pelbagai bangsa iaitu kaum Cina, India, Orang Asli, Sabah, Sarawak, Kemboja, Indonesia, Filipina, Nigeria dan lain-lain (Umar Ramli, 2022). Kawasan Petaling mempunyai 58 KFAM, diikuti Klang 49 kelas, manakala Gombak 35 kelas dan Kuala Selangor 29 buah kelas. Pemilihan responden guru adalah berlatarbelakang pernah menjadi seorang Muallaf dan kategori guru yang asalnya telah menganut Islam. Dari sudut peringkat umur pula, majoriti KFAM mempunyai Muallaf dari pelbagai umur dan tahap penerimaan yang berbeza-beza. Realiti situasi KFAM ini menuntut kepada para guru pembimbing asnaf menggunakan segala kemahiran dan kreativiti agar dapat menyampaikan dakwah dan mengendalikan kelas dengan berkesan. Berikut adalah perincian maklumat berkaitan demografi 7 responden dan analisis perbincangan hasil kajian:

### **4.1 Demografi Responden**

**Rajah 1:** Demografi responden guru pembimbing asnaf Muallaf di kawasan negeri Selangor

Kod Responden	Jantina	Daerah	Penglibatan sebagai guru pembimbing asnaf Muallaf
R1	Lelaki	Gombak	8 tahun
R2	Lelaki	Gombak	4 tahun
R3	Lelaki	Klang	5 tahun
R4	Lelaki	Petaling	9 tahun
R5	Perempuan	Petaling	12 tahun
R6	Perempuan	Kuala Selangor	8 tahun
R7	Perempuan	Petaling	2 tahun

### **4.2 Aplikasi Pendekatan Dakwah oleh Guru-Guru Pembimbing Asnaf KFAM di Selangor**

Berikut dapatan kajian terhadap pelaksanaan pendekatan dakwah guru pembimbing asnaf KFAM di negeri Selangor sepanjang tempoh 2019-2022 yang dijalankan secara bersemuka dan atas

talian. Sebahagian guru pembimbing asnaf Muallaf mempraktikkan teknik dakwah Rasulullah SAW sebagai teladan yang terbaik bagi memastikan golongan Muallaf memahami dan menguasai ajaran Islam dengan baik, mengamalkan dalam kehidupan seterusnya kelak mampu menjadi seorang pendakwah yang boleh membimbang masyarakat terutamanya Muallaf. Antara metod dakwah Rasulullah SAW yang diaplikasikan dalam KFAM seperti pendekatan melalui pengajaran kisah al-Quran dan sirah Rasulullah SAW, pendekatan melalui nasihat dan penerapan nilai-nilai murni sebagai *qudwah hasanah* (Raba'ahadawiah Ahmad@Yunus, Ezani Yaacob, 2021). Manakala sebahagian guru menghasilkan pendekatan dakwah tertentu secara kreatif bertujuan menarik minat Muallaf seperti pendekatan dakwah interaktif terutamanya fasa pandemik COVID-19, pendekatan amali iaitu latihan dalam kumpulan dan mendapatkan pengalaman secara suasana realiti. Seterusnya amalan kaedah mentor mentee terhadap situasi para pelajar yang menghadapi masalah pembelajaran di dalam kelas. Kompilasi pendekatan dakwah ini boleh dijadikan sebagai panduan oleh Lembaga Zakat Selangor.

#### **4.2.1 Pendekatan Dakwah Interaktif dan Pembelajaran Secara Maya Fasa COVID-19**

Malaysia turut terkesan dengan wabak pandemik COVID-19, situasi tersebut menyebabkan pengajaran dan pembelajaran KFAM turut mengalami perubahan dari bersemuka kepada medium secara atas talian. Kelas secara bersemuka berakhir pada Februari 2019 dan tiada kelas dalam tempoh tiga bulan Mac sehingga Mei 2020 kerana akur dengan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang menghalang PdP secara bersemuka. Pada Mei 2020, pihak pentadbir Lembaga Zakat Selangor bertindak segera mengeluarkan ketetapan berkaitan medium PdP dalam KFAM perlu dijalankan secara rasmi secara talian berkuatkuasa Jun 2020 dan pihak pentadbir memberi pilihan kepada semua guru pembimbing asnaf Muallaf samada menggunakan aplikasi *google meet* atau FB live atau *telegram*. Guru-guru telah diberikan kursus dan latihan pengendalian kelas secara maya (Lembaga Zakat Selangor, 2020). Antara cabaran dan kekangan yang dihadapi pada peringkat awal adalah kurang persediaan guru dan pelajar dalam menghadapi suasana baru PdP, kurang menguasai kemahiran teknologi dan berdikari mempelajarinya secara bertahap, keterbatasan capaian internet dan kekurangan instrumen peralatan ketika sesi PdP berlaku seperti tiada laptop dan telefon pintar yang disediakan oleh pihak pentadbir (Mohd Afandi Mat Rani, 2022). Peralatan PdP menggunakan barang milik peribadi dan sebagainya dipancarkan secara perkongsian.

Pendekatan dakwah yang diaplikasikan dalam pengajaran dan pembelajaran KFAM menjadi lebih menarik dan kreatif, para guru menyampaikan maklumat dalam bentuk infografik, tayangan video, slide dan latihan ulangkaji melalui kuiz secara maya seperti penggunaan sofeware quizizz (Zakaria Saad, 2021). Sebahagian guru memaparkan nota-nota ringkas berkait pembelajaran bertujuan tidak membebankan pelajar dan membantu Muallaf memahaminya dengan mudah (Suriani Ismail, 2022). Walaupun PdP tidak dapat dijalankan secara bersemuka, tiada pertemuan dengan guru pembimbing secara fizikal namun kandungan dan mesej dakwah tersebut sampai kepada para Muallaf. Guru memastikan pelajar agar dapat memahami dengan baik antaranya kerap memanggil nama pelajar untuk membaca nota pelajaran yang dipaparkan pada skrin (Muhamad Firdaus, 2022), meminta memberikan respon dan mengarahkan pelajar agar membuka kamera sepanjang sesi kelas bagi memastikan keberadaan Muallaf (Muhammad Ridhwan, 2022). Realitinya, tahap keberkesanan pembelajaran adalah berbeza antara kelas bersemuka dan secara atas talian terutamanya dari sudut tindak balas respon pelajar dalam kelas. Muallaf kurang responsif dalam kelas secara atas talian. Walau bagaimanapun matlamat pembelajaran secara berterusan dapat dicapai dan mendapat tindak balas yang positif dari Muallaf kerana tiada pilihan yang lain lebih-lebih lagi dalam situasi berhadapan wabak COVID-19 (Mohd Afandi Mat Rani, 2022).

#### **4.2.2 Pendekatan Dakwah Melalui Pengajaran Kisah Al-Quran dan Sirah Rasulullah SAW**

Pelaksanaan pendekatan dakwah guru pembimbing KFAM melalui penceritaan kisah-kisah dalam al-Quran adalah segmen yang paling diminati oleh golongan Muallaf dan berjaya menarik perhatian mereka kerana penceritaan kisah para Nabi tersebut secara realitinya dikaitkan dengan persoalan isu-isu semasa yang berlegar dalam kehidupan masyarakat. Pengajaran dan teladan dari kisah-kisah al-Quran tersebut dijadikan pedoman dalam menjalani kehidupan yang sebenar. (Noraini

Mohamad, 2017). Setiap kisah Nabi yang disampaikan oleh guru pembimbing mempunyai objektif tertentu bertujuan mengukuhkan akidah melalui elemen tauhid dan memurnikan akhlak Muallaf dengan memaparkan teladan dari kisah-kisah al-Quran. Antara kaedah penceritaan yang digunakan oleh guru pembimbing dari kawasan Gombak iaitu mengemukakan kisah secara bersiri bermula dengan kisah Nabi Adam a.s hingga Nabi Muhammad SAW. Beliau menulkirkan kisah berdasarkan dalil yang sahih bersumberkan al-Quran dan hadis (Rafiq Ravi Abdullah, 2022).

Antara kisah masyhur yang selalu diceritakan oleh para guru kepada Muallaf adalah pengorbanan sahabat Nabi SAW saidina Bilal bin Rabah yang teguh mempertahankan akidah. Beliau diseksa oleh musyrikin Quraisy di tengah panas terik padang pasir namun situasi tersebut tidak menghalang dirinya untuk konsisten mentauhidkan Allah yang Esa. Guru cuba mengaitkan situasi cabaran sebahagian Muallaf yang berhadapan dengan kesukaran menyembunyikan identiti keislaman di hadapan kaum keluarga dan rakan-rakan kerana menjadi punca penghalang untuk kekal berada dalam agama Islam. Elemen sabar, cekal dan teguh pendirian juga ditekankan kepada Muallaf bagi mencapai redha Tuhan dan memperoleh ganjaran yang berlipat kali ganda. (Muhamad Firdaus, 2022) Selain itu, pempararan isu semasa seperti ancaman LGBT (*Lesbian, Gay, Bisexual, Transgender*) yang mengamalkan homoseksual dan dikaitkan dengan kisah kaum Nabi Luth a.s juga boleh dijadikan pedoman dalam kehidupan. Aktiviti tidak bermoral dan dilaknat oleh Tuhan ini semakin berleluasa malah mereka bertindak lebih berani menuntut undang-undang secara rasmi dan dihebahkan pergaulan secara terbuka melalui media. Justeru, Muallaf dapat lebih peka dan berhati-hati dengan anasir budaya Barat yang berlaku di sekitarnya. (Muhammad Ridhwan, 2022). Terdapat guru yang fokus menceritakan sirah Nabi Muhammad SAW secara terperinci bertujuan meneladani perjuangan baginda yang mempertahankan pegangan syahadah dan mencontohi akhlak Rasulullah SAW sebagai ikutan yang terbaik dalam segenap perkara dalam kehidupan (Suriani Ismail, 2022).

#### **4.2.3. Pendekatan Dakwah Melalui Penyampaian Nasihat dan Nilai-Nilai Murni**

Islam adalah agama nasihat dan kepentingan memberi nasihat secara berhikmah ini turut ditunjukkan oleh baginda Rasulullah SAW. Para guru menggunakan pendekatan nasihat dalam KFAM bagi menyemai nilai-nilai murni dalam diri Muallaf. Matlamat penerapan nilai-nilai murni bertujuan memperbaiki keperibadian akhlak dan adab golongan Muallaf. Menyemai sikap menjadi individu muslim yang jujur, bertanggungjawab dalam melaksanakan amanah dan tugasannya berdisiplin dalam menuntut ilmu, saling hormat-menghormati, bertoleransi dan saling berkasih sayang mengeratkan ukhuwah. Guru juga memberikan penekanan nasihat terhadap aspek pembangunan modal insan kepada Muallaf yang berupaya membina keterampilan dan keyakinan diri dalam aspek yang menyeluruh termasuk kebersihan diri, kekemasan dan keceriaan sekitar bilik dan asrama.

Aplikasi pendekatan nasihat ini digunakan oleh guru pembimbing sepanjang masa kerana Muallaf yang baru memeluk Islam berhadapan banyak konflik yang perlu diurus secara serentak, cabaran pengamalan gaya hidup dan budaya yang berbeza dari agama anutan terdahulu dengan ajaran Islam juga menjadi faktor pendorong Muallaf perlu mendapat bimbingan yang konsisten. Justeru, peranan guru bukan sekadar menyampaikan ilmu agama bahkan perlu prihatin terhadap keseluruhan kehidupan Muallaf agar mereka mendapat panduan menyeluruh dalam melaksanakan syariat Islam (Siti Afifah Mat Rani, 2022).

#### **4.2.4 Pendekatan Dakwah Secara Praktikal Bagi Mengasah Bakat Kepimpinan**

Kebanyakan guru pembimbing Muallaf mengamalkan pendekatan dakwah secara praktikal bertujuan memperkenalkan kepada Muallaf realiti dan pengalaman yang sebenar antaranya melibatkan pelajar dalam program sembelihan korban sempena hari raya Aidiladha yang dilaksanakan saban tahun. Muallaf bukan sekadar belajar teori di dalam kelas malah dapat merasai pengalaman melakukan persiapan penyembelihan termasuk terlibat secara langsung melihat aktiviti penyembelihan haiwan korban, melapah daging korban, mengagihkannya dan memasak sebahagiannya secara bergotong royong. Seterusnya menjawai hikmah pensyariatan ibadah korban ibrah dari kisah Nabi Ibrahim a.s dan anaknya Nabi Ismail a.s. (Muhamad Firdaus, 2022) Selain itu, guru pembimbing melatih daya kepimpinan Muallaf agar menjawai peranan sebagai seorang pendakwah dengan melibatkan mereka

secara langsung dengan aktiviti dakwah secara dalaman. Muallaf yang lebih senior berpengalaman mengajar dan membimbing rakan-rakan Muallaf yang junior dalam amali solat. Mengadakan aktiviti latihan berkumpulan yang boleh memupuk sikap kekitaan dan kebersamaan (Rafiq Ravi Abdullah, 2022).

Para pelajar juga berkesempatan menghadiri majlis pengislaman dengan menyaksikan saudara baru melafazkan kalimah syahadah dengan rasmi menganut agama Islam. Majlis-majlis sebegini boleh membangkitkan rasa syahdu mengenang kembali detik-detik pengislaman dan menguatkan semangat dan keimanan Muallaf untuk lebih sabar dan cekal berhadapan dengan ujian hidup serta meningkatkan usaha dakwah menyeru ahli keluarga yang lain untuk memilih Islam sebagai agama anutan secara berterusan. Muallaf juga diberi pendedahan untuk berinteraksi dua hala secara mesra, menjawab persoalan-persoalan yang dikemukakan dengan yakin dan tenang, meraikan pandangan orang lain disamping mempraktikkan teori yang mereka pelajari di dalam kelas melalui pengucapan dan perkongsian pengalaman terhadap saudara baru yang memeluk Islam (Abd Razak, 2022). Pendekatan dakwah secara praktikal ini dilihat berjaya menggilap bakat-bakat Muallaf menjadi seorang mukallaf yang berjiwa pendakwah. Terdapat Muallaf yang dilatih dengan baik akhirnya menjadi tenaga pengajar dan guru pembimbing di KFAM antaranya Puan Nurriya bt Abdullah. Kini beliau mengajar agama di kelas Muallaf berbahasa Inggeris kendalian Persatuan Inspirasi Muallaf di daerah Klang. Puan Nurriya aktif melakukan aktiviti dakwah berbentuk kebajikan, edaran risalah, ziarah, menyertai panel forum bersama masyarakat dan pelajar-pelajar universiti di pentas dan pengisian radio seperti *Bicara Ramadan*, *Dakwah Masyarakat Majmuk* dan *Bicara Hidayah* sekitar 2019-2020 secara bersemuka dan berterusan kini di ruangan maya memberikan pengisian ilmu Islam kepada masyarakat terutamanya golongan Muallaf. Selain itu, beliau juga aktif menulis di akhbar *Sunday Vibes* dan menulis buku bertajuk “*Perjalanan Seorang Muallaf*” dan disebarluaskan penulisan tersebut sebagai alternatif dakwah bagi memahami kehidupan seorang Muallaf (Nurriya Abdullah, 2022).

#### **4.2.5 Pendekatan Dakwah Melalui Mentor Mentee**

Guru pembimbing dari kawasan Petaling menggunakan teknik *mentor mentee* bertujuan membimbng Muallaf (*coaching*) secara individu. Pelajar yang tidak menguasai mata pelajaran dengan baik akan mendapat tunjuk ajar secara persendirian agar dapat memahami ilmu dan amali dengan baik. Guru mengajar berulang kali dengan pendekatan yang sama atau analogi yang berbeza bagi memudahkan pelajar faham apa yang dipelajari (Suriani Ismail, 2022). Selain itu, guru pembimbing turut menggunakan metod mentor mentee tersebut untuk menyelami permasalahan Muallaf dengan lebih mendalam melalui teknik kaunseling. Dalam sesi pertemuan tersebut, pelajar boleh meluahkan kepada guru secara persendirian dan guru berperanan menjadi pendengar yang baik dan cuba memahami situasi yang dihadapi oleh pelajar kemudian mengemukakan solusi yang terbaik sebagai panduan (Ismatul Jannah Ali, 2022). Pendekatan mentor mentee ini amat bersesuaian dilaksanakan kerana guru berhadapan dengan cabaran mempunyai situasi dalam kelas yang tidak seragam terdiri dari pelbagai bangsa, pelbagai peringkat umur dan status latar belakang kehidupan yang pelbagai. Terdapat sebahagian Muallaf yang tidak dapat mengikuti pembelajaran secara berkelompok disebabkan tahap penguasaan yang pelbagai dan sesuai mengikuti pendekatan mentor mentee agar memperoleh pembelajaran yang lebih berkesan (Siti Afifah Mat Rani, 2022).

### **5. Kesimpulan**

Pelaksanaan pendekatan dakwah yang dilaksanakan oleh guru-guru pembimbing asnaf Muallaf di Selangor adalah selari dengan teknik dakwah Rasulullah SAW seperti kaedah nasihat secara berhikmah dalam menerapkan nilai-nilai murni serta kaedah teladan dari kisah-kisah dalam al-Quran. Malah para guru berkebolehan menghasilkan kaedah-kaedah dakwah yang lebih kreatif dan bersesuaian dengan situasi Muallaf. Berdasarkan pemerhatian yang dilakukan di dalam kelas, guru memilih pendekatan dakwah yang diterima oleh Muallaf dan mananamkan semangat jiwa pendakwah terhadap Muallaf dengan berbekalkan penguasaan terhadap ilmu agama yang komprehensif dan menyerapkan kemahiran-kemahiran yang bermanfaat bertujuan membina keyakinan diri Muallaf untuk berinteraksi maju ke hadapan. Guru yang berjiwa mendidik lebih bersikap prihatin dengan perkembangan bakat dan

potensi kepimpinan yang terdapat pada Muallaf. Seterusnya mengasah dan melatih para pelajar sehingga menjadi mukallaf yang mengamalkan ajaran Islam dalam kehidupan, menjadi contoh tauladan serta bermanfaat untuk keluarga dan masyarakat. Malah membimbing rakan-rakan Muallaf yang baru agar menghayati keindahan Islam. Justeru pelaksanaan pendekatan dakwah guru pembimbing Muallaf mampu membentuk Muallaf yang menguasai ilmu asas agama dengan mendalam, berakhlak mulia dan kualiti diri yang menyerlah sehingga akhirnya mampu memimpin dan berdakwah kepada masyarakat untuk mengamalkan ajaran Islam dalam kehidupan.

## **6. Penghargaan**

Penghargaan ditujukan kepada Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA khususnya Unit Pascasiswazah bagi menyempurnakan kajian disertasi di peringkat Ijazah Sarjana dalam Pengajian Islam.

## **7. Konflik Kepentingan**

Kajian ini dijalankan secara telus berdasarkan fakta-fakta yang benar dan tiada sebarang unsur kepentingan terhadap institusi-institusi tertentu.

## **8. Sumbangan Penulis**

Mengumpulkan data kajian, kajian literatur dan teknikal: R.A.Y. Merangka rekabentuk kajian: E.Y. Menganalisa data dapatan kajian dan mengarang artikel: R.A.Y dan A.M.Y.

## **9. Rujukan**

- Abdul Ghafar bin Don (2021). *Pembangunan Kepimpinan Muallaf*. Bangi: Pusat Kajian Dakwah dan Kepimpinan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abdul Hamid bin Ali & Wan Anuar Bin Yaacob, 2021. Andragogi Pendidikan Islam Muallaf. *Prosiding Sistem Pendidikan Islam Muallaf Di Malaysia*.
- Abdul Halim Tamuri, Baharudin Othman (2021), *Sistem Pendidikan Islam Muallaf di Malaysia*, Prosiding, Institut Pengajian Islam dan Dakwan Sabah
- Ahmad Yunus Kasim, Samsuddin Abdul Hamid, Misnan Jemali. (2017). *Pengajaran Akidah dalam Kalangan Mualaf di Institut Dakwah Islamiyah PERKIM*.
- Amiratul Munirah bt Yahaya (2021), *Modul Kefahaman Pendidikan Islam Terhadap Muallaf*, Kumpulan Zakat, Wakaf dan Filantropi Islam, BAZNAS.
- Asmawati Binti Suhid et.al, 2021. Pendidikan Muallaf Di Malaysia: Persepsi Guru Dan Muallaf. *Prosiding Sistem Pendidikan Islam Muallaf Di Malaysia*.
- Burhanuddin Jalal, Sayuti Ab Ghani, Amnah Saayah Ismail. (2017). *Pendidikan Islam Untuk Saudara Baru Anggota Angkatan Tentera Malaysia*. Journal of Education and Social Sciences.
- Mohd Adzib Mohd Isa (2013), *Buku Teks Muallaf Selangor: Ulum Syar'iyyah Tauhid*, Shah Alam : Majlis Agama Islam Selangor (MAIS).
- Mohamad, N., Abd.Majid, M., Omar, A. N. (2017). *Metodologi Pengajaran Muallaf di Institut Dakwah Islamiah PERKIM (IDIP)*. E-Jurnal Penyelidikan Dan Inovasi, 4(2), 215–233. [rmc.kuis.edu.my/jpi/](http://rmc.kuis.edu.my/jpi/)
- Mohd Afandi Mat Rani, Siti Sarah Izham, Khairul Izwan Rifin, Shahirah Said, Shofiyah Moidin, Muhammad Syahrul Deen Ahmad Rosli (2022), *Prestasi Kelas Pembelajaran Muallaf dalam Talian: Pengaruh Efikasi Diri dan Norma Subjektif*, Journal of Fatwa Management and Research, Special Edition.
- Nor Azizah Mustapha, Fariza Md Sham, Ahmad Irdha Mokhtar. (2019). *Kepentingan Aspek Pengetahuan dan kemahiran dalam Dakwah Terhadap Masyarakat Orang Asli*. AL-HIKMAH.
- Noraini Mohamad, Mariam Abd. Majid, Ain Nathasha Omar. (2017). *Metodologi pengajaran Muallaf di Institut Dakwah Islamiah PERKIM (IDIP)*.

- Raba'ahadawiyah Ahmad @Yunus, Ezani Yaacob, Amiratul Munirah bt Yahaya (2021), *Pendekatan Dakwah Guru Pembimbing Asnaf Muallaf di Lembah Klang*, Kumpulan Zakat, Wakaf dan Filantropi Islam, BAZNAS.
- Siti Adibah Abu Bakar, Siti Zubaidah Ismail. (2018). *Pengurusan Muallaf di Malaysia: Kerjasama Dinamik Antara Agensi Kerajaan dan Bukan Kerajaan*. Usuluddin, 46.
- Siti Afifah Mat Rani, Mohd Izzat Amsyar Mohd Arif, Mohd Afandi Mat Rani, Faezy Adnan, Azri Bhari, Shahirah Said (2022), *Pemerkasaan Modul Pendidikan Muallaf: Aspirasi Kecemerlangan Pembangunan Ilmu di Negeri Selangor*, International Journal of Islamic Studies, vol 25. no 2.
- Supriyanto. (2018). Jurnal Dakwah dan Pengembangan Sosial Kemanusiaan. *IAIN Surakarta, Indonesia*.
- Umar Bin Ramli. Eksekutif Perancangan Pembangunan Muallaf. Jabatan Pembangunan Muallaf. Data diterima pada 31 Mac 2022.
- Yasmoon Mohamed, & Razaleigh Muhamat @ Kawangit. (2019). *Tahap Kepuasan Muallaf terhadap Pengurusan Kelas Bimbingan Agama oleh Majlis Agama Islam Kelantan (MAIK)*. AL-HIKMAH.
- Zakaria Bin saad et al. (2021). *Kesediaan Penggunaan Google Meet Sebagai Platform Pengajaran dan Pembelajaran Dalam talian Bagi Siswa Guru di Institusi Pendidikan Guru Kampus Sultan Abdul Halim*.

## **Wawancara**

- Muhammad Rafiq Ravi bin Abdullah. Temubual bersama guru pembimbing asnaf Muallaf daerah Gombak pada 15 Mac 2022.
- Muhammad Ridhwan Woon bin Abdullah. Temubual bersama guru pembimbing asnaf Muallaf daerah Gombak pada 15 Mac 2022.
- Abd Razak Md Ali (Ir Hj). Temubual bersama guru pembimbing asnaf Muallaf daerah Klang pada 20 Mac 2022.
- Zulaili bt Mohamed Sail. Temubual bersama guru pembimbing asnaf Muallaf daerah Kuala Selangor pada 25 Mac 2022.
- Ismatul Jannah bt Ali. Temubual bersama guru pembimbing asnaf Muallaf daerah Petaling pada 20 Mac 2022.
- Muhamad Firdaus bin Abdulatef. Temubual bersama guru pembimbing asnaf Muallaf daerah Petaling pada 15 April 2022.
- Suriani bt Ismail. Temubual bersama guru pembimbing asnaf Muallaf daerah Petaling pada 15 April 2022.
- Umar bin Ramli. Temubual bersama pegawai eksekutif perancangan pembangunan Muallaf, Lembaga Zakat Selangor pada 31 Mac 2022